



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1, Wisma Persekutuan  
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR  
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/10 Jld.13(09)

Tarikh : 21 Februari 2024

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN  
PERBENDAHARAAN AP58(a) BAGI PERBELANJAAN MENGRUS TAHUN  
2023**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat Kementerian Kewangan rujukan MOF.NBO(S)600-8/2/9JLD.2(15) bertarikh 9 Februari 2024 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, tarikh akhir bayaran Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 adalah pada 15 Disember 2023 dan semua pembayaran yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh tersebut akan dibayar di bawah kelulusan AP58(a).

3. Dimaklumkan bahawa berdasarkan peraturan kewangan semasa, Kementerian/Jabatan hanya dibenarkan memproses bayaran AP58(a) selepas Akaun Kerajaan Persekutuan tahun berkenaan dimuktamadkan. Sehubungan itu, bagi memudahcara proses bayaran AP58(a) Tahun 2023, Kementerian Kewangan bersetuju untuk :

- i) Membenarkan Kementerian-kementerian yang masih mempunyai baki peruntukan Tahun 2023 membuat bayaran AP58(a) tanpa perlu menunggu Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 dimuktamadkan. Kementerian boleh menggunakan maklumat baki akhir dalam vot seliaan masing-masing untuk mendapatkan kelulusan AP58(a); dan
- ii) Semua pembayaran AP58(a) hendaklah selesai **sebelum atau pada 30 April 2024** dan sebarang pembayaran **selepas tarikh tersebut hendaklah mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.**

4. Justeru, kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dimohon untuk mengemukakan permohonan pembayaran AP58(a) dengan segera dan pembayaran diselesaikan selewat-lewatnya **30 April 2024**. PTJ juga hendaklah memastikan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.5/2023 (Lampiran C : Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran Di Bawah AP58(a) Pembayaran Yang Memerlukan Kebenaran Khas)** telah dipatuhi sebelum mengemukakan permohonan kelulusan pembayaran AP58(a) ke JANM Negeri Pahang bagi mengelakkan dikuiiri.

5. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah diharapkan agar proses pembayaran AP58(a) dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan serta mematuhi tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(FREDRICK GUPONG ANAK TAWAN C.A. (M), ACMA, CGMA)**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang